## MINIT MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 7/2015

## SURAU AN NUR SETIA ECO PARK

**TARIKH : 19 Mei 2015 (SELASA)**

**MASA : 8.00 MALAM**

**TEMPAT : SURAU AN NUR, SETIA ECO PARK**

**KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN**

**AGENDA :**

### 1. KATA-KATA ALUAN PENGERUSI SURAU AN NUR

Yang Berbahagia Datuk Mohamad Bin Maidon mengucapkan terima kasih kepada AJK yang hadir. Mesyuarat kali ini akan membincangkan perkara-perkara berikut:

- Pengisian/Program Bulan Ramadhan

### 2. MELULUSKAN MINIT MESYUARAT

Minit mesyuarat siri 6/2015 bertarikh 10 Mac 2015 telah diluluskan setelah dicadangkan oleh Dr Fadhlillah dan disokong oleh Hj Jasmani.

### 3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat diteruskan dengan membincangkan cadangan berikut:

| Siri | Perkara | Tindakan |
|---|---|---|
| 3.1 | **LAPORAN KEWANGAN**<br><br>Laporan Kewangan semasa:<br><br>- Baki dalam bank pada 30 Apr 2015 RM 27,417.32.<br>- Perbelanjaan Bulanan dianggarkan RM 2,000.00 | Bendahari |
| 3.2 | **PENGURUSAN JENAZAH – UBAHSUAI BILIK JENAZAH**<br><br>Tindakan berikut perlu dilaksanakan:<br>- Platform urusan mandi jenazah yang ada akan dipecahkan dan diganti dengan takung/platform mudahalih.<br>- Kos diluluskan sebanyak RM 1,000.00 mencukupi.<br><br>Khairat Kematian – Surau An Nur perlu majukan cadangan kepada JK PERSALAM | Hj Hamdan<br>Dr Fadh<br>Setiausaha<br>Bendahari |

| Siri | Perkara | Tindakan |
|---|---|---|
| 3.3 | **PUSAT KECEMERLANGAN BACAAN AL QUR'AN**<br><br>Program berikut diteruskan sepanjang masa:<br><br>- Kelas bimbingan / tadarus mingguan untuk peningkatan mutu bacaan ahli kariah – persiapan Tadarus Ramadhan. | <br><br><br><br>Setiausaha |
| 3.4 | **PEMELIHARAAN FASILITI SURAU**<br><br>Peningkatan surau untuk menutup airwell, sinki dan corak pada pintu sliding telah dilaksanakan melalui sumbangan ahli kariah:<br><br>- Perbelanjaan RM 9,030.00.<br>- Telah dibayar RM 3,000.00, diskaun RM 300.00 baki perlu bayar RM 5,730.00.<br><br>Landscaping surau:<br>- Mulai bulan Jun 2015 akan dibiayai oleh Surau, sebutharga perlu diperoleh, potong rumput sebelum Ramadhan. | <br><br><br><br><br>Hj Jasmani |
| 3.5 | **CADANGAN MENGIMARAHKAN SURAU**<br><br>Melalui program berikut:<br><br>- Bowling – 40 peserta ambil bahagian. Sesi akan datang dalam masa 6 bulan.<br>- Qiamullail remaja – akan diadakan dalam Ramadhan.<br>- Ziarah anak yatim – sebelum Ramadhan.<br>- Website surau – Webmaster ialah Haji Mokhsein.<br>- Whatsap Surau An Nur terus digunakan untuk perbincangan dan makluman aktiviti surau kepada kariah. | <br><br><br><br>Sdra Zaini / Biro Remaja<br><br><br><br>Hj Mokhsein<br><br>Setiausaha |
| 3.6 | **TOWER TELCO**<br><br>Pihak pemaju Bandar Eco Setia – tiada halangan. Kajian juga menunjukkan tiada elemen pancaran gelombang radio yang membahayakan.<br><br>Pihak penyedia Telco YTL telah membuat tinjauan tapak, cadangan lokasi menara di tepi tandar muslimah. Rekabentuk tower akan dimajukan. | <br><br>Setiausaha |

**4. PROGRAM BULAN RAMADHAN**

| Siri | Perkara | Tindakan |
|---|---|---|
| **4.1** | **AKTIVITI RAMADHAN**<br>**Gotong royong**<br>Dicadangkan pada 24 Mei 2015. Pengurus Program – Dr Fadh.<br>**Imam Tahfiz Terawih**<br>Bersetuju untuk melantik Ustaz Radzi iaitu Pensyarah di Kolej Islam Antarabangsa Gombak – elaun RM 2,000.00<br>Terawih 8 rakaat dan 3 witir, tazkirah ringkas sebelum witir.<br>**Bilal Terawih**<br>Bilal akan ditugaskan secara bergilir, Dr Zul akan sediakan script.<br>**Moreh**<br>Moreh akan disediakan oleh Tn Syed dari Setia Indah. Makanan secara pack, kuih muih dihidang, dan air panas dan sejuk.<br>Penajaan moreh oleh kariah – RM 300 / malam. Jumlah 80 pack pada minggu pertama dan dikurangkan beransur-ansur.<br>Hj Jefril dilantik menjadi Pengurus Program.<br>**Siak Ramadhan**<br>Bersetuju untuk melantik Arafat – elaun RM 1,000.00 / bulan.<br>**Buka Puasa Perdana**<br>Akan diadakan pada minggu ke tiga. Tetamu jemputan dari Rumah Jagaan Telaga Kasih.<br>Dr Zul dilantik sebagai Pengurus Program.<br>**Qiamullail**<br>Untuk kanak-kanak – sekurang kurangnya sekali. Bersamaan dengan Buka Puasa Perdana.<br>Dewasa – malam 27 Ramadhan.<br>Pembimbing – Ustaz Radzi. Pengurus Program – Hj Asis.<br>**Buka Puasa Harian**<br>Disediakan untuk tetamu surau. Untuk pastikan azan maghrib dilaungkan. Juadah untuk 5 orang, tajaan dari kariah RM50/malam.<br>Hj Jasmani dilantik sebagai Pengurus Program.<br>**Tadarus**<br>Dua kumpulan lelaki, Satu kumpulan muslimah. Khatam Qur’an pada malam 27 Ramadhan.<br>Ketua Kumpulan – Dr Fadh, Datuk Mohammad – Pengurus Program, Datin Faridah – muslimah. | Dr Fadh<br>Hj Jefril<br>Dr Zul<br>Setiausaha<br>Hj Jasmani<br>Pengerusi |

| | | |
|---|---|---|
| | **Persiapan Logistik**<br>- Ruang limpah jemaah lelaki di tepi, muslimah di belakang.<br>- Khemah tempat makan.<br>- Kipas 6 unit untuk ruang limpahan jemaah.<br>- Parking kereta tambahan – dewan MBSA<br>**Zakat Fitrah**<br>Akan dikutip di surau tiap malam selepas Tarawih. Hj Jefril dilantik sebagai Penolong Amil.<br>**Solat Aidil Fitri**<br>Takbir raya di surau pada malam raya. Solat di Surau Jumaat As Salam. | Setiausaha<br>Bendahari<br><br>Hj Jefril |

**5. UCAPAN PENANGGUHAN MESYUARAT**

Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap segala perkara yang telah dipersetujui akan dilaksanakan.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.30 malam.

Disediakan oleh

.......................................

(HJ MAT ASIS BIN MAHNOON)
Setiausaha SURAU AN NUR

Disemak oleh

...........................................

(DATUK MOHAMMAD BIN MAIDON)
Pengerusi SURAU AN NUR

## SENARAI KEHADIRAH MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 7/2015

## PADA 19 MEI 2015

| NAMA JAWATAN | NAMA PENYANDANG | KEHADIRAN |
|---|---|---|
| PENGERUSI | DATUK MUHAMMAD BIN MAIDON | Hadir |
| SETIAUSAHA | HAJI MAT ASIS BIN MAHNOON | Hadir |
| BENDAHARI | HAJI SHAMSUDIN BIN BASRI | Hadir |
| AJK WANITA | DR ANIS SAFURA BINTI RAMLI | Tidak Hadir |
| AJK REMAJA | EN ZAINI BIN ZAKARIA | Hadir |
| AJK | PUAN NORAINI BINTI ROSLAN | Tidak Hadir |
| AJK | HAJI MOKHSEIN BIN ABDULLAH | Hadir |
| AJK | HAJI AHMAD NAJHAN BIN JAMIL | Tidak Hadir |
| BILAL 1 | HAJI JASMANI BIN HJ ABBAS | Hadir |
| BILAL 2 | DR MOHD FADHLILLAH BIN MAHMOOD | Hadir |
| BILAL 3 | DR ZULKIFLI BIN ZAINAL ABIDIN | Tidak Hadir |
| BILAL JENAZAH LELAKI | HAJI HAMDAN BIN ZAMBAHARI | Hadir |
| BILAL JENAZAH WANITA | DATIN FARIDAH BINTI ARIS | Tidak Hadir |
| PEMERIKSA KIRA KIRA 1 | DR ZAKIR HUSSAIN | Tidak Hadir |
| PEMERIKSA KIRA KIRA 2 | HAJI AYUB KHAN BIN MOHAMOD | Tidak Hadir |
| TURUT HADIR | HJ AHMAD JEFRIL BIN MOHAMED | Hadir |